

# Ekonomi Malaysia 2023

## Pemulihan Struktural Hadapi Kemelesetan Ekonomi Dunia

**P**enularan wabak COVID-19 semenjak awal tahun 2020 akan terpahat dalam sejarah manusia sebagai krisis global yang melumpuhkan sistem ekonomi dunia dalam skala yang besar. Sejarah ekonomi dunia menyaksikan wabak yang asalnya hanya berlaku setempat kemudiannya berubah menjadi pandemik yang memunculkan

krisis ekonomi berskala besar dan bersifat global.

Hingga tahun 2022, ketika krisis ekonomi kesihatan masih berlanjutan, dunia terus berdepan dengan krisis geopolitik Perang Rusia–Ukraine yang melanjutkan krisis ekonomi kesihatan semenjak awal tahun 2020. Hingga kini, dunia menyaksikan krisis tiga serangkai yang akhirnya

menyebabkan usaha pemulihan ekonomi global begitu sukar, kompleks dan mendalam.

Trend pemulihan ekonomi global memperlihatkan bahawa proses pemulihan perlu dilakukan bersama-sama semua negara tanpa mengira kepentingan geopolitik yang diarahkan oleh kuasa besar. Hingga akhir tahun 2022, dunia berdepan dengan prospek kemelesetan ekonomi dalam tempoh terdekat.

Perkara ini merupakan sentimen yang dirasai oleh banyak pakar ekonomi. Rentetan krisis tiga serangkai yang berlarutan, gangguan terhadap bekalan makanan global dan

harga makanan yang meningkat akan terus merumitkan usaha pemulihan ekonomi negara.

Ada penganalisis yang mengatakan bahawa kesemua krisis ini merupakan "badai yang sempurna" yang bakal diset semula dan sangat diperlukan oleh sistem ekonomi global. Tambahan pula, bagi negara seperti Malaysia, adalah sesuatu yang merugikan sekiranya pendekatan penyusunan semula ekonomi dan tadbir urus negara tidak dilakukan dengan mengambil iktibar pengalaman menguruskan krisis seperti yang berlaku hampir tiga tahun lalu.

Prospek ekonomi global menjadi "gelap" dengan ketara sejak bulan April 2022 hingga mendorong Tabung Kewangan Antarabangsa (International Monetary Fund (IMF)) menurunkan unjuran pertumbuhan ekonomi global kepada 3.6% bagi tahun ini. Menurut Pengarah Urusan IMF, tinjauan ekonomi dunia menjadi begitu suram dan berkemungkinan akan terus merosot.

Beliau memetik Perang Rusia–Ukraine dan inflasi yang dicituskan yang mengancam kebuluran dan kemiskinan secara berleluasa. Amaran itu dibuat hanya beberapa bulan selepas IMF menurunkan unjuran pertumbuhan global bagi tahun 2022 dan tahun 2023.

Perang Rusia–Ukraine tercetus ketika dunia sedang bergelut dengan proses pemulihan yang disebabkan oleh impak berterusan pandemik COVID-19 yang menyebabkan inflasi melonjak hingga mengancam pertumbuhan semenjak dua tahun lalu.

### **Ekonomi Malaysia 2022 Pencapaian KDNK yang Baik**

Keyakinan pengguna kembali pulih apabila nilai jualan dagangan borong dan runcit bagi bulan Julai 2022 melonjak sebanyak 41%.

Dalam tempoh tujuh bulan pertama, nilai keseluruhan dagangan borong dan runcit

mencecah RM882 bilion, iaitu sebanyak 20% lebih tinggi berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2021.

Pemulihan tahun 2022 bukanlah semata-mata mengenai KDNK, malah kehidupan rakyat juga bertambah baik. Kadar pengangguran menurun dalam tempoh 12 bulan berturut-turut, iaitu daripada 4.8% pada bulan Julai 2021 kepada 3.7% pada bulan Julai 2022.

Dalam tempoh hanya setahun, Malaysia berjaya mengembalikan pasaran buruh pada tahap guna tenaga penuh (Bank Negara Malaysia (BNM), 2022).

Momentum pertumbuhan ekonomi dijangka akan berterusan, malah lebih mengukuh bagi suku ketiga tahun 2022. Ekonomi negara dijangka berkembang lebih baik daripada unjuran bulan Mac lalu antara 5.3% hingga 6.3%. Dengan petunjuk ekonomi yang terus menyokong trend pertumbuhan, kerajaan menyemak semula unjuran KDNK 2022 kepada 6.5% hingga 7%.

Bermula dengan penguncupan sebanyak 4.5% pada suku ketiga tahun 2021, ekonomi negara kembali berkembang sebanyak 3.6% bagi suku keempat tahun 2021, terus mengukuh sebanyak 5% pada suku pertama tahun 2022, dan kini melonjak sebanyak 8.9% bagi suku kedua tahun 2022.

Pertumbuhan suku kedua tahun ini merupakan pencapaian terbaik di Asia Tenggara. Walau bagaimanapun, pemulihan ekonomi negara yang terus mengukuh tidak terkecuali daripada berdepan dengan ketidaktentuan.

Ekoran perkembangan global, kadar inflasi negara meningkat daripada 2.3% pada bulan Januari 2022 kepada 4.7% pada bulan Ogos 2022. Jika bukan kerana bantuan dan subsidi kerajaan sebanyak RM77.7 bilion, kadar inflasi Malaysia sepatutnya akan lebih tinggi dan boleh mencecah hingga 10% (*Berita Harian*, Oktober 2022).

Tinjauan ekonomi dunia bagi tahun 2023 akan semakin tidak



menentu dan mencabar susulan konflik geopolitik, tekanan inflasi global, dasar monetari yang semakin ketat, dan prospek pertumbuhan ekonomi yang lemah.

Pada bulan Januari 2022, IMF mengunjurkan kadar pertumbuhan ekonomi dunia tahun 2023 pada kadar 3.8%. Namun begitu, pada bulan Julai 2022, IMF menyemak semula unjuran 2023 kepada 2.9%.

Sebagai sebuah negara yang mengamalkan ekonomi terbuka, Malaysia tidak terkecuali daripada tempias perkembangan global yang kian mencabar ini.

Pada suku ketiga tahun 2022, ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan yang lebih kukuh, iaitu sebanyak 14.2% berbanding dengan 8.9% pada suku kedua. Malaysia mencatatkan pertumbuhan setinggi 14.2% pada suku ketiga tahun 2022 berbanding dengan suku ketiga 2021 (*year on year* (YOY)).

Pertumbuhan pada tahap 14.2% ini didorong oleh peningkatan dalam permintaan eksport dan penggunaan domestik. Dari segi pencapaian serantau, pertumbuhan ekonomi Malaysia dalam suku ketiga tahun 2022 adalah antara yang terbaik di rantau ASEAN dan dapat dijelaskan dalam Rajah Pencapaian Pertumbuhan Ekonomi Suku Ketiga 2022 antara Negara ASEAN.

Pemulihan dari segi pertumbuhan ekonomi juga

didorong oleh permintaan dalam negara yang kukuh, disokong oleh keadaan pasaran pekerja dan pendapatan yang bertambah baik serta sokongan dasar yang berterusan. BNM melaporkan eksport terus disokong oleh permintaan yang kukuh terhadap produk elektrik dan elektronik (E&E).

Pemulihan pelancongan dalam negeri memberikan sokongan tambahan kepada kegiatan ekonomi. Mengikuti sektor, pertumbuhan terus didorong oleh sektor perkhidmatan dan perkilangan. Menurut Bank Pusat, pada asas suku tahun ke suku tahun terlaras secara bermusim, ekonomi berkembang sebanyak 1.9% (suku kedua 2022: 3.5%).

Secara keseluruhannya, ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 9.3% pada suku pertama tahun 2022. Inflasi keseluruhan pada tahun ini mungkin mencapai tahap tertingginya, iaitu sebanyak 4.5% pada suku ketiga (suku kedua 2022: 2.8%). Inflasi asas terus meningkat kepada 3.7% (suku kedua 2022: 2.5%).

Peningkatan keseluruhan inflasi sebahagian besarnya didorong oleh kesan asas daripada diskaun bil elektrik yang dilaksanakan pada suku ketiga tahun 2021 serta peningkatan berterusan inflasi teras dan barangan yang harganya tidak menentu.

Tekanan inflasi mencerminkan gabungan tekanan kos yang meningkat, khususnya untuk

barangan yang berkaitan dengan makanan serta keadaan permintaan yang kukuh.

Kadar pertumbuhan yang dijangka lebih perlahan mencerminkan persekitaran global yang lebih mencabar serta ketiadaan kesan asas. Dalam kenyataan akhbar pada awal bulan Oktober 2022, BNM menjangkakan pertumbuhan bagi keseluruhan tahun 2022 kekal kukuh berikutan pertumbuhan yang kukuh pada tiga suku pertama tahun yang sama.

Berdasarkan prestasi yang baik pada suku ketiga tahun 2022, BNM mengunjurkan pertumbuhan ekonomi Malaysia yang dijangka pada kadar 0% hingga 4.0% pada tahun 2023 (BNM, 2022).


Ekonomi Malaysia dijangka akan terus disokong oleh permintaan dalam negara yang kukuh berikutan pasaran pekerjaan yang bertambah baik. Pertumbuhan juga akan mendapat manfaat daripada pelaksanaan projek infrastruktur besar serta jumlah ketibaan pelancong yang lebih tinggi.

Pada masa yang sama, pertumbuhan ekonomi Malaysia masih terdedah kepada prospek ekonomi global yang lebih lemah daripada jangkaan, aktiviti penghindaran risiko yang lebih tinggi dalam pasaran kewangan global, konflik geopolitik yang semakin meruncing dan rantaian bekalan yang kembali terganggu.

Inflasi keseluruhan dijangka sederhana pada suku keempat tahun 2022, namun kekal tinggi. Kesan asas diskaun bil elektrik yang menyumbang kepada inflasi yang lebih tinggi pada suku ketiga akan reda pada suku keempat tahun 2022.

Inflasi keseluruhan dijangka mencatatkan purata pada 3.3% pada tahun 2022. Inflasi asas, seperti yang diukur oleh inflasi teras, dijangka terus tinggi bagi keseluruhan tahun 2022 apabila permintaan terus bertambah baik dalam keadaan kos yang tinggi.

Menjelang tahun 2023, inflasi keseluruhan dan inflasi teras dijangka kekal tinggi berikutan tekanan permintaan dan kos serta sebarang perubahan pada



Rajah Pencapaian Pertumbuhan Ekonomi Suku Ketiga Tahun 2022 antara Negara ASEAN.

langkah dasar dalam negara. Kesan tambahan tekanan inflasi menjadi lebih tinggi dan sebahagiannya akan terus dibendung oleh kawalan harga sedia ada, subsidi dan lebih kapasiti yang berterusan dalam ekonomi.

Imbangan risiko berhubung dengan prospek inflasi pada tahun 2023 lebih cenderung ke arah inflasi menjadi lebih tinggi dan terus bergantung pada langkah dasar dalam negara mengenai subsidi serta perkembangan harga komoditi global yang berpunca daripada konflik ketenteraan yang berterusan di Ukraine dan gangguan yang berkaitan dengan bekalan yang berlarutan.

### Masalah Inflasi, Kos Hidup dan Tekanan Ringgit

Masalah struktural yang besar terjadi apabila nilai ringgit menurun sebanyak 4.9% berbanding dengan dolar Amerika pada suku ketiga tahun 2022 (sejak awal tahun hingga 9 November 2022: -11.2%), sejajar dengan mata wang serantau yang menurun nilai pada purata 5.5% (sejak awal tahun hingga kini: -9.5%). Hal ini mencerminkan dolar Amerika yang terus kukuh berikutan dasar monetari yang terus diperketat oleh Rizab Persekutuan AS dan aktiviti penghindaran risiko yang lebih tinggi oleh pelabur disebabkan oleh prospek pertumbuhan global yang sederhana.

Pertumbuhan dalam negara yang kukuh mengurangkan lagi tekanan luaran terhadap penurunan nilai ringgit. Pada masa depan, walaupun pasaran kewangan domestik mungkin mengalami risiko ketakentuan yang lebih tinggi, limpahan kepada pengantaraan kewangan domestik dijangka dapat dibendung (BNM, 2022).

Hal ini disokong oleh kedudukan luaran Malaysia yang kukuh dan permodalan sistem perbankan yang teguh. Berdasarkan alasan ini, dasar kewangan Malaysia diselarikan

dengan rapi berdasarkan perkembangan pasaran serta memastikan bahawa pelarasan kekal teratur untuk menyokong pengantaraan yang berkesan bagi ekonomi.

### Senario Ekonomi hingga Tahun 2025

Dokumen Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) perlu dijadikan rujukan dalam melihat pelbagai senario yang bakal dihadapi sekurang-kurangnya tiga tahun akan datang. Dalam tempoh RMK-12, ekonomi global dijangka kembali mencapai momentum pertumbuhan berikutan pemulihan daripada pandemik COVID-19.

Perdagangan dunia dijangka meningkat sebanyak 5.3% setahun, disokong oleh prestasi perdagangan yang lebih baik daripada pasaran baharu muncul dan negara membangun.


Seiring dengan pemulihan ekonomi global, ekonomi Malaysia dijangka berkembang antara 4.5% hingga 5.5% setahun, dengan pendapatan negara kasar

(PNK) per kapita yang lebih tinggi, iaitu RM57 882.00 atau USD14 842.00 pada tahun 2025.

Hakikatnya, pandemik COVID-19 memperlambatkan pertumbuhan semua sektor. Penularannya juga memberikan kesan terhadap pengeluaran, rantaian bekalan, perdagangan, pelaburan, dan produktiviti. Jika dinilai semula kedudukan sektor sedia ada, masalah struktural masih dihadapi oleh sektor ekonomi yang muncul dan tidak banyak berubah dari segi saiz dan potensi masa depan.

Dalam konteks penajajaran semula RMK-12, negara perlu memperkukuh pertumbuhan dan mempercepat reformasi struktur ekonomi dengan memperluas asas ekonomi, meneroka aktiviti berintensif pengetahuan yang mempunyai nilai tambah yang tinggi dan meningkatkan eksport.

Sektor perkhidmatan terus menjadi sektor terbesar ekonomi negara pada tahun 2020, iaitu menyumbang sebanyak 58% kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK). Sektor pembuatan menyumbang sebanyak 23%





kepada KDNK, perlombongan (7%), pertanian (7%) dan pembinaan (4%).

Kesemua sektor ini menghadapi cabaran dari segi produktiviti yang rendah, firma yang tidak berdaya saing, perubahan pesat dalam landskap kewangan, dan pembangunan perindustrian yang tidak seimbang antara wilayah. Tambahan pula, terdapat cabaran yang disebabkan oleh tadbir urus dan mekanisme yang kurang berkesan dalam beberapa sektor.

Prospek pertumbuhan ekonomi pada tahun 2023 juga dipengaruhi oleh halangan struktural yang agak sukar untuk diatasi dalam masa terdekat. Walau bagaimanapun, langkah jangka pendek perlu menjerus kepada keutamaan seperti daya pertumbuhan KDNK, pertumbuhan sektor, produktiviti buruh, dan jumlah eksport yang boleh diwujudkan untuk memperkukuh pertumbuhan ekonomi dan mempercepat reformasi struktur dalam setiap sektor.

Sasaran sumbangan sektor perkhidmatan dan pembuatan kepada KDNK perlu ditingkatkan dengan pelaksanaan pendigitalan ekonomi yang lebih agresif. Manakala, pencapaian sektor pembinaan, pertanian dan perlombongan perlu dijangka semula dalam konteks untuk mewujudkan *real economy* yang boleh memacu pertumbuhan ekonomi domestik.

Harga komoditi yang tidak menentu menyebabkan sektor pertanian memberikan sumbangan yang rendah kepada KDNK. Sektor pembinaan perlu dijangka semula kerana sektor ini menerima banyak kesan daripada pelaburan awam dan pihak kerajaan. Sebaliknya, sektor pembinaan swasta menghadapi kesan rantaian yang terhad kerana bersifat "sentuh dan lalu" yang tidak mempunyai kesan rantaian mampan.

Sektor perlombongan pula terjejas disebabkan oleh harga minyak dan gas dunia yang lebih rendah. Masalah struktural ini tetap lebih rendah daripada sasaran yang ditetapkan dengan sektor perlombongan yang menguncup pada kadar purata walaupun ketiga-tiga sektor ini mencatatkan pertumbuhan nilai ditambah yang positif, iaitu sebanyak 2.2% dan sektor pembinaan pada 0.7% setahun disebabkan oleh pandemik COVID-19 pada tahun 2020.

Bagi produktiviti buruh, sepanjang tempoh pandemik (2020–2022) sektor pertanian > melebihi sasaran sektor tersebut yang berkembang iaitu sebanyak 0.5% setahun.

Sektor lain tidak mencapai sasaran berikutan tahap penerimaan automasi yang perlahan serta kebergantungan yang tinggi kepada pekerja yang berkemahiran rendah. Prestasi eksport kesemua sektor adalah

di bawah sasaran berikutan penurunan mendadak permintaan global pada penghujung tahun 2020.

Hakikatnya, Malaysia berdepan dengan pelbagai masalah struktural yang perlu ditangani dengan segera bagi memastikan proses pemulihan ekonomi berlaku yang membolehkan negara mendepani cabaran kemelesetan ekonomi yang dijangka berlaku dalam masa terdekat.

Pencapaian pertumbuhan KDNK tidak dapat lagi digunakan sebagai petunjuk tunggal dalam melihat prestasi serta kekebalan ekonomi negara. Isu kemiskinan, upah yang rendah, kos sara hidup yang tinggi, pengagihan kekayaan yang tidak seimbang, dan pengangguran golongan belia masih menjadi masalah struktural yang perlu diatasi dengan tuntas dan segera.

Usaha untuk menanganinya merupakan tanggungjawab besar kerajaan yang diterajui oleh Perdana Menteri Malaysia ke-10, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim, yang perlu melaksanakan dan menyelesaikan pelbagai perkara penting dalam masa yang singkat dengan sumber yang terbatas. <sup>EXO</sup>

**Dr. Fatimah Kari ialah Profesor Kehormat di Jabatan Ekonomi, Fakulti Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.**